

# Bekas KM dilantik Speaker DUN Sabah

**K**OTA KINABALU: Bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Salleh Said, dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah menggantikan Datuk Juhar Mahiruddin yang dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah ke-10.

Pelantikan Salleh, 64, diumumkan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet negeri di Wisma Innoprise di sini, semalam.

Musa yang juga Menteri Kewangan negeri, berkata pelantikan itu dibuat selepas mendapat perkenan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Salleh adalah pilihan tepat bagi jawatan itu kerana kita memerlukan Speaker yang berpengalaman luas terutama dalam mengendalikan situasi di DUN," katanya.

Salleh yang juga Timbalan Pengerusi UMNO Sabah dan Ketua Bahagian UMNO Kota Belud, pernah menyandang jawatan Ketua Menteri Sabah dari 1994 hingga 1996.



**Salleh Said**

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Politik dari Universiti Simon Fraser, Kanada dan Ijazah Sarjana Sains bidang Politik dan Kerajaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) serta pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Kota Belud.

Salleh juga pernah menjadi Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan negeri.

Pengalamannya dalam bidang politik merangkumi jawatan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Usukan.